

٥- بَابُ أَيِّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ

(5) Bab: (Orang) Islam Macam Manakah Yang Lebih Baik?¹²³

daripada Abu Mu'aawiyah. Di dalam kedua-dua sanad itu tersebut dengan jelas 'Abdullah yang meriwayatkan hadits ini daripada Nabi s.a.w. ialah 'Abdullah bin 'Amar bin al-Aash r.a.

¹²³ Dengan mengadakan tajuk bab ini Imam Bukhari sekurang-kurangnya hendak menarik perhatian para pembacanya kepada enam perkara berikut: (1) Jangan sekali-kali tajuk bab (4) yang lalu dengan hadits di bawahnya yang sama saja dengan hadits di bawah bab (5) ini menyebabkan sesiapa pun salah faham dan terkeliru, sehingga membuat kesimpulan sendiri bahawa orang yang menyakiti orang lain, baik dengan lidahnya atau tangannya terus terkeluar dari Islam dan tidak boleh dipanggil muslim atau mu'min lagi. Pemahaman seperti itu salah dan ia telah mengakibatkan golongan Khawarij dan Mu'tazilah tergelincir daripada landasan kebenaran. Mereka berkata, bukankah Rasulullah s.a.w. sendiri bersabda: "Orang Islam (muslim) ialah orang mana orang-orang Islam lain terpelihara daripada (kejahatan) lidah dan tangannya"? Kalau begitu bukan muslimlah orang yang orang-orang Islam lain tidak terpelihara daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Kata mereka, bukankah sabda Baginda s.a.w. ini membuktikan orang yang melakukan dosa besar itu bukan muslim? Padahal maksud المسلم di dalam hadits itu ialah muslim yang sempurna, bukan semata-mata muslim secara mutlaq, seperti telah dibincangkan sebelum ini. Untuk menghilangkan salah faham dan kekeliruan yang mungkin timbul itulah Bukhari mengadakan pula bab ini. Hujah Bukhari ialah jawapan Rasulullah s.a.w. kepada soalan yang diajukan oleh para sahabat: أَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ? (Orang Islam yang macam manakah yang lebih baik?). Perkataan lebih baik memberi erti ada yang kurang baik daripada yang lebih baik itu. Yang lebih baik itu ialah muslim (orang Islam) yang sempurna dan yang kurang baik pula ialah muslim yang tidak sempurna. Yang dikatakan muslim yang sempurna itu pula ada banyak tahap dan peringkatnya. Yang kurang baik atau tidak sempurna juga ada banyak tahap dan peringkatnya. Seseorang muslim akan menjadi lebih sempurna apabila pekerti-pekerti dan ciri-ciri ajaran Islam lebih banyak menghiasi dirinya. Sebaliknya, sifat kesempurnaan akan semakin menyusut dengan berkurangnya pekerti-pekerti dan ciri-ciri ajaran Islam pada dirinya. (2) Perkataan الاستفهامية أَيُّ yang memberi erti pertanyaan) menghendaki sesuatu yang dimasukinya berbilang. Sedangkan perkataan الإسلام selepasnya tidak berbilang. Kerana Islam itu satu, ia tidak berbilang atau banyak. Keadaan ini kelihatan bercanggah dengan qaedah bahasa 'Arab. Maka ahli-ahli bahasa 'Arab mentaqdirkan sesuatu yang mahzuf (dibuang) sebelum perkataan الإسلام. Untuk menepati qaedah, sesuatu yang mahzuf itu semestinya mengandungi ma'na yang berbilang, kerana ia berada selepas أَيُّ. Para pensyarah Bukhari terbahagi kepada dua kumpulan dalam mentaqdirkan perkataan selepas أَيُّ. Ada yang mentaqdirkan perkataan خصال (jama' خِصْلَةٌ) yang bererti pekerti atau ciri-ciri. Ada juga yang mentaqdirkan perkataan ذوي atau أصحاب yang bererti orang. Kebanyakan pensyarah memilih perkataan ذوي atau أصحاب untuk ditaqdirkan selepas perkataan أَيُّ di sini. **Ada dua sebab kenapa mereka memilih taqdir ini.** (a) Kerana ia lebih bertepatan dengan jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri, iaitu: مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ (Orang yang mana orang-orang Islam lain terpelihara daripada (gangguan) lidah dan tangannya). Jawapan seperti ini menunjukkan apa yang difahami Baginda s.a.w. daripada soalan itu. Apakah tentang orang Islam atau tentang pekerti atau ciri-ciri Islam?

Tentunya apa yang difahami Baginda s.a.w. ialah tentang orang Islam, bukan tentang sifat atau pekerti Islam. Kalau dikatakan orang yang bertanya bermaksud bertanyakan tentang sifat Islam atau pekerti Islam, tiba-tiba jawapan yang diterimanya daripada Baginda ialah tentang orang Islam, tentulah jawapan itu tidak menepati soalan dan tidak akan memuaskan hatinya. Apabila si penanya diam dengan jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w., itu bererti jawapan Baginda telah menepati soalnya. Kalau tidak, ia tentu tidak berdiam diri. Sebaliknya ia akan berkata, bukan itu maksud saya. Maksud saya ialah bertanyakan tentang sifat Islam atau pekerti Islam. (b) Selain itu, berdasarkan sesetengah saluran riwayat daripada Abu Musa juga, lafaz soalan sahabat ialah *أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ* (Orang Islam macam manakah yang lebih baik?) Jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. sama dengan jawapan yang diberi Baginda s.a.w. di dalam hadits 11 ini. Lihat sebagai contohnya hadits Tirmizi berikut:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعِيدٍ الْجَوْهَرِيُّ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ حَدَّثَنَا بُرَيْدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ قَالَ مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Hadits Abu Musa dengan soalan dan jawapan seperti ini bukan sahaja diriwayatkan oleh Tirmizi, ia bahkan diriwayatkan oleh Muslim, Nasaa'i, al-Bazaar dan lain-lain.

Bukan Abu Musa sahaja ada meriwayatkan hadits ini dengan soalan dan jawapan seperti itu, 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash dan Jaabir bin 'Abdillah juga bahkan ada meriwayatkannya. Hadits 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya. Hadits Jaabir bin 'Abdillah pula diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya dan Abu Ya'la di dalam Musnadnya. Berikut dikemukakan hadits Jaabir bin 'Abdillah dengan sanad Ibnu Abi Syaibah.

حَدَّثَنَا وَكِيعٌ قَالَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ جَابِرٍ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ فَقَالَ مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

(3) Setiap perkataan di dalam sesuatu tarkib (susunan ayat) mestilah diteliti dan dianalisa dengan saksama sebelum menarik sesuatu kesimpulan daripadanya. Di mana-mana bahagian tarkib itu misalnya, ada atau tidak ada majaz? Kalau ada, maka majaz apa? Soalan sahabat di dalam hadits di atas misalnya mengandungi 'majazul hazfi'. Maka perlulah dicari taqdir yang paling sesuai dengan apa yang di hazaf (dibuang) di dalam tarkib itu. Apakah yang dibuang dan di manakah tempatnya? Perlulah dipastikan. Di dalam soalan sahabat di atas, perkataan yang dibuang ialah *خِصَالُ* atau *ذَوِي*. Tempatnya ialah di antara perkataan *أَيُّ* dan *الْإِسْلَامِ*. Perkataan *خِصَالُ* atau *ذَوِي* itulah sebenarnya yang menjadi mudhaf ilaih kepada *أَيُّ*, bukan perkataan *الْإِسْلَامِ*. Bagaimanapun setelah mudhaf ilaih kepada *أَيُّ* yang sebenar dibuang perkataan *الْإِسْلَامِ* pula mengambil alih tempatnya. Supaya kesimpulan yang dibuat tepat, perlulah dipakai qaedah-qaedah tertentu, di samping meninjau juga sebanyak mungkin thuruq (saluran-saluran) riwayat berkenaan. Ini adalah satu proses yang sama sekali tidak boleh diabaikan ketika anda berinteraksi dengan sesebuah hadits.

(4) Setiap pembaca Sahih Bukhari seharusnya tidak lupa akan keunikan pengarangnya dalam menyusun tajuk-tajuk bab di dalam karya agungnya ini. Bukankah bab ini juga sama seperti bab-bab lain, baik yang sebelumnya atau yang selepasnya, masih berada di bawah bab besar 'Kitabul Iman'? Oleh itu kenapa Bukhari tidak menggunakan perkataan iman di dalam tajuk bab, sebaliknya menggunakan perkataan Islam? Demikian juga dengan hadits yang dijadikan dalil untuk membuktikan kebenaran da'waan beliau dalam tajuk bab yang dibuat di sini. Di dalamnya juga tidak tersebut perkataan iman, tetapi tersebut perkataan Islam. Atau Islam dan iman itu bagi

beliau adalah dua perkataan seerti? Jika anda perhatikan tajuk-tajuk bab yang dibuat Bukhari di bawah Kitabul Iman ini, anda akan dapati ada antaranya menggunakan perkataan iman. Ada yang menggunakan perkataan Islam dan ada juga yang menggunakan perkataan-perkataan lain, seperti din dan lain-lain. Kenapakah Bukhari berbuat begitu? Jawabannya ialah bagi Bukhari perkataan-perkataan itu semua lebih kurang sama saja ma'nanya jika dilihat kepada keperluan seseorang yang beragama kepadanya dan kemestiannya memiliki setiap satu daripadanya secara bersepadu. Kesemuanya diperlukan dan tidak dapat dipisahkan antara satu dari yang lain. Untuk memahami sikap Bukhari, anda seharusnya mengetahui terlebih dahulu apakah nisbah (hubungan) di antara iman dan Islam menurut pandangan para 'ulama' kita. Apakah perkataan iman dan Islam itu membawa maksud yang sama atau ada perbezaan di antara keduanya? Jika dilihat kepada nas-nas al-Qur'an dan as-Sunnah, anda akan dapati penggunaan dua perkataan ini adakalanya sebagai dua perkataan yang sama ertinya (على سبيل الترادف), adakalanya sebagai dua perkataan yang berbeza ertinya (على سبيل التباين) dan adakalanya pula sebagai dua perkataan yang termasuk-masukan ertinya (على سبيل التداخل). Menurut istilah ilmu Mantiq hubungan di antara dua perkataan atau pengertian dipanggil nisbah. Jadi nisbah di antara dua perkataan iman dan Islam itu berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah sama ada nisbah taraaduf dan tasaawi, atau nisbah tabaayun dan ikhtilaf atau nisbah tadaakhul dan 'umum khusus mutlaq. Nisbah 'umum khusus min wajhin tidak dapat dibuktikan dengan al-Qur'an dan as-Sunnah. Imam al-Ghazali misalnya hanya menerima tiga bentuk nisbah sahaja untuk perkataan iman dan Islam selain 'umum khusus min wajhin. **Antara bukti dua perkataan** itu digunakan dalam bentuk nisbah taraaduf dan tasaawi ialah dua firman Allah ini:

فَأَخْرَجْنَا مَنْ كَانَ فِيهَا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٥﴾ فَمَا وَجَدْنَا فِيهَا غَيْرَ بَيْتٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٤٦﴾

Bermaksud: (setelah sampai utusan Kami ke tempat itu), Kami (perintahkan mereka) mengeluarkan orang-orang yang beriman yang tinggal di situ. (Sesudah diperiksa) Maka (utusan) Kami tidak mendapati di situ melainkan sebuah rumah sahaja yang ada penghuninya dari kalangan orang-orang Islam (yang beriman kepada Nabi Lut). (az-Zaariyaat:35-36).

وَقَالَ مُوسَىٰ يَنْفَوْمَ إِن كُنتُمْ ءَامَنُمْ بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا إِن كُنتُمْ مُسْلِمِينَ ﴿٨٤﴾

Bermaksud: dan Nabi Musa berkata (kepada kaumnya): “Wahai kaumku! Kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah diri kepadaNya, jika betul kamu orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah).” (Yunus:84). Di dalam kedua-dua ayat di atas mu'min dan muslim dikatakan kepada orang-orang yang sama. Ia menunjukkan nisbah di antara dua perkataan itu adalah nisbah taraaduf dan tasaawi. **Antara bukti dua perkataan** itu ada digunakan dalam bentuk nisbah tabaayun dan ikhtilaf ialah firman Allah berikut:

قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَامَنَّا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٨٥﴾

Bermaksud: Orang-orang “A`raab” berkata: “Kami telah beriman”. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi (sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu) berkatalah sahaja: “Kami telah Islam”; dan jika kamu ta`at kepada Allah dan RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan

sedikitpun pahala amalanmu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (al-Hujuraat:14). Maksud iman di sini ialah membenarkan dengan hati, itu dinafikan. Dan maksud Islam pula ialah pengakuan dengan lidah dan mengamalkan (ajaran Islam) dengan anggota badan, itu tidak dinafikan bahkan dikatakan telah ada pada mereka.

Hadits Jibril yang mengandungi penjelasan Rasulullah s.a.w. tentang iman bahawa ia adalah kepercayaanmu kepada Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari kemudian dan kepada taqdir (ketentuan Allah), baik atau buruknya. Islam pula ialah engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitillah jika engkau mampu pergi ke sana, jelas menunjukkan nisbah di antara iman dan Islam adalah nisbah tabaayun dan ikhtilaf. Iman berkait dengan kepercayaan dan Islam berkait dengan amalan berupa ucapan dan perbuatan anggota badan. **Antara bukti dua perkataan** itu ada digunakan dalam bentuk nisbah tadaakhul dan `umum khusus mutlaq ialah sabda Rasulullah s.a.w. apabila ditanya: أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (Apakah amalan yang paling utama?) Beliau s.a.w. menjawab: إِيْمَانٌ بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ (Percaya kepada Allah dan RasulNya). (Bukhari, Ahmad, Abu `Awaanah, Ibnu Abi Syaibah, Baihaqi dan lain-lain). Pada ketika yang lain pula apabila ditanya: فَأَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ (Islam manakah yang paling utama?) Beliau s.a.w. menjawab: الْإِيْمَانُ (iman). (Ahmad, at-Thabaraani, `Abd bin Humaid, `Abdur Razzaaq dan lain-lain). Nisbah ini baru akan wujud apabila anda menerima iman bererti menerima dan percaya dengan hati sahaja. Tempat khususnya ialah di hati. Islam pula ialah mempercayai ugama Allah yang dibawa Rasulullah s.a.w. dengan hati, mengakuinya dengan lidah dan mengamalkannya dengan anggota badan. Tempatnya ialah di hati, di lidah dan di anggota badan. Ertinya ialah Islam lebih umum daripada iman sehingga boleh dikatakan bila ada Islam, mesti adalah iman. Tetapi tidak semestinya bila ada iman, akan ada Islam (semua sekali).

Sebetulnya iman dan Islam itu ada hakikat syar`iyyahnya dan hakikat lughawiyyahnya secara berasingan. Iman bererti percaya dengan hati kepada perkara-perkara tertentu. Islam pula bererti melaksanakan amalan-amalan yang disyar`atkan oleh Allah. Bagaimanapun kedua-duanya saling melengkapi satu sama lain. Adanya kepercayaan semata-mata tidaklah akan menjadikan seseorang mu`min yang sempurna dan sejati tanpa melakukan apa-apa ucapan dan amalan yang direstui Allah. Demikian juga adanya pelaksanaan tuntutan syari`at semata-mata tidaklah akan menjadikan seseorang muslim yang sempurna dan sejati tanpa adanya kepercayaan dan keimanan yang sempurna terhadap `aqidah di dalam jiwa. **Jika dua perkataan ini** digunakan serentak di sesuatu tempat atau ditanya tentangnya, ketika itu hakikatnya adalah berbeda. Dengan kata lain, nisbah di antara keduanya adalah nisbah tabaayun dan ikhtilaf. Antara contoh penggunaan nisbah ini untuk iman dan Islam ialah hadits Jibril yang akan datang. Jika dua perkataan ini tidak digunakan serentak di sesuatu tempat dan tidak juga ditanya tentangnya, ada kemungkinan juga keduanya digunakan dalam bentuk nisbah tadaakhul atau `umum khusus mutlaq. (lihat Hafiz Ibnu Hajar- Fathul Baari j.1 hal. 115). Hafiz Ibnu Rajab al-Hambali r.a. berkata: “Ma`na iman dan Islam tidak berbeda jika keduanya disebutkan secara berasingan. Tetapi ia akan berbeda apabila keduanya disebutkan bersama di sesuatu tempat.” Kata Hafiz Ibnu Rajab seterusnya: فالإيمان Bermaksud: (Perkataan atau pengertian) Iman dan Islam itu seperti (perkataan atau pengertian) faqir dan miskin. Kalau kedua-duanya disebutkan bersama, hakikat keduanya akan berbeda. Dan kalau kedua-duanya tidak disebutkan

١١- حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ الْقُرَشِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو بُرْدَةَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ قَالَ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

11- Sa'id (Abu `Utsman al-Umawi m.249H) bin Yahya (Abu Sa'id m.194H) bin Sa'id al-Qurasyi meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Burdah (Buraid ) bin `Abdillah bin Abi Burdah (`Aamir / Haarits bin Abi Musa al-Asy`ari r.a.) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Burdah (m.103 / 104H) daripada Abi Musa (al-Asy`ari `Abdullah bin Qais r.a. m.44H), katanya: "Mereka (para sahabat) pernah bertanya: "Wahai Rasulallah! (Orang) Islam yang macam manakah yang lebih baik?" Jawab Baginda s.a.w.: "Orang yang orang-orang Islam lain terpelihara daripada (gangguan / kejahatan) lidah dan tangannya."¹²⁴

٦- بَابُ إِطْعَامِ الطَّعَامِ مِنَ الْإِسْلَامِ

(6) *Bab: Memberi Makan (Kepada Orang-Orang Yang Lapar Dan Memerlukan Makanan) Adalah Sebahagian Daripada (Pekerti) Islam.*¹²⁵

bersama, maka keduanya boleh bermasuk-masukan." Maksud beliau ialah nisbah tadaakhul boleh berlaku di antara keduanya. (lihat Syabbir Ahmad `Utsmaani- Fathul Mulhim j. 1 hal.428-429).

(5) Islam atau iman boleh bertambah dan berkurang. Ia berkurang dengan adanya sifat-sifat keji dan pekerti-pekerti buruk pada seseorang. Ia bertambah apabila sifat-sifat baik dan pekerti-pekerti mulia ada padanya. Orang yang orang-orang Islam lain terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya sudah pun dikira sebagai muslim yang sempurna pada suatu tahap iaitu tahap paling asas. Sementara orang yang orang-orang Islam lain tidak terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya pula mungkin juga seorang muslim, tetapi tentu sekali ia seorang muslim yang kurang dan tidak sempurna. Seorang muslim yang pemurah dan cintakan kedamaian di samping orang-orang Islam lain terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya, tentulah lebih sempurna dan lebih tinggi imannya daripada seorang muslim yang orang-orang Islam lain hanya terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya semata-mata. Begitulah seterusnya.

(6) Ia secara tidak langsung menolak fahaman golongan yang menyeleweng seperti Murji`ah, Mu`tazilah dan Khawarij.

¹²⁴ Hadits 11 ini sama saja dengan bahagian pertama hadits 10 sebelumnya. Penjelasan tentangnya telah pun berlalu di bawah hadits 10. Sila lihat nota 116, 117, 118 & 119 di bawah hadits 10 itu.

¹²⁵ Bab 6 yang lalu diadakan Bukhari untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada bab 5 dengan hadits di bawahnya. Kekeliruan bahawa orang yang menyakiti orang-